

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]****TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)****SOALAN :** Tuan Gooi Hsiao-Leung minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah mekanisme yang ditetapkan untuk memeriksa dan memantau kuantiti stok beras tempatan dan import yang disimpan oleh BERNAS, agen-agennya dan pengilang beras untuk memastikan tidak berlakunya lambakan lebihan beras tempatan yang tidak dijual.**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tujuan pemantauan kuantiti stok beras tempatan dan import yang disimpan di pasaran, semua kilang padi dan pemborong beras perlu mengemukakan laporan belian dan jualan serta stok akhir terkini secara bulanan kepada pejabat Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di negeri masing-masing. Ini selaras dengan syarat-syarat yang termaktub kepada pemegang-pemegang Lesen Kilang Padi dan Lesen Pemborong yang dikeluarkan oleh KPB.

Selain itu, BERNAS dikehendaki mengemukakan laporan mingguan kedudukan terkini jumlah stok penimbang beras yang disimpan di gudang-gudang yang telah digazetkan di dalam perjanjian konsesi bersama

BERNAS. Simpanan stok penimbal beras negara perlu berada di paras 292,000 metrik tan pada sesuatu masa yang ditempatkan di 29 gudang stok penimbal BERNAS di seluruh Malaysia.

KPB sentiasa memantau kuantiti stok penimbal dengan membuat pemeriksaan mengejut di gudang-gudang BERNAS bagi memastikan jumlah stok adalah menepati seperti yang dilaporkan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL] PKR**

TARIKH : 17 MAC 2015, SELASA

SOALAN : 63

Minta Menteri KKLW menyatakan kadar pulangan pelaburan pasaran saham bagi Pelaburan MARA Berhad dari tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

MARA berterima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat berkenaan kadar pulangan pelaburan pasaran saham yang diuruskan oleh Pelaburan MARA Berhad (PMB). Untuk makluman Yang Berhormat, PMB yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham MARA Berhad (ASMB) telah merekodkan pulangan ke atas pelaburan pada tahun 2010 sebanyak 8.27%. Pada tahun 2011, MARA telah memperkemaskan pengurusan dan membuat penjenamaan semula ke atas ASMB yang kini dikenali sebagai PMB. Pada tahun tersebut, pulangan ke atas pelaburan telah meningkat kepada 18.91%. Dalam ketidaktentuan keadaan ekonomi semasa, PMB mencatatkan pulangan ke atas pelaburan sebanyak 11.83% pada tahun 2014 iaitu pengurangan sebanyak 1.82% berbanding pencapaian tahun 2013 (13.65%).